

ANALISIS AWAL TERHADAP KEDUDUKAN DAN IMPLEMENTASI QAUL MUKTAMAD MAZHAB SYAFIE DALAM FATWA MUAMALAT NEGERI KEDAH DAN PULAU PINANG

Mohd Akram bin Dahaman@Dahlan¹
Kamarudin bin Ahmad
Solahuddin bin Abdul Hamid
Mohd Murshidi bin Mohd Noor

¹Pensyarah Kanan di Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS, Universiti Utara Malaysia. Emel: akram@uum.edu.my

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 11 April 2018

To cite this document:

Dahaman@Dahlan, M. A. b., Ahmad, K. b., Hamid, S. b. A., & Noor, M. M. b. M. (2018). Analisis Awal Terhadap Kedudukan Dan Implementasi Qaul Muktamad Mazhab Syafie Dalam Fatwa Muamalat Negeri Kedah Dan Pulau Pinang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(7), 56-68.

Abstrak: *Peruntukan qaul muktamad mazhab Syafie dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negeri telah menjadi asas kepada pendekatan yang sangat popular dalam kalangan badan berautoriti fatwa di Malaysia. Antara negeri yang meletakkan asas penetapan sesuatu fatwa berdasarkan pendekatan ini ialah negeri Kedah dan Pulau Pinang. Terdapat banyak fatwa yang telah diputuskan di kedua negeri ini dengan melibatkan pelbagai isu sama ada akidah, ibadat, perkahwinan, muamalat/ekonomi, sosial dan lain-lain. Berdasarkan perkara ini, satu analisis awal telah dilakukan bagi meneliti secara jelas kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie dan implementasinya dalam urusan fatwa di kedua negeri, Kedah dan Pulau Pinang. Di dalam masa yang sama, kajian juga meneliti pandangan mazhab lain yang telah digunapakai untuk menetapkan sesuatu fatwa. Hasil analisis awal ini menunjukkan keadaan sebenar kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie terhadap badan berautoriti fatwa negeri Kedah dan Pulau Pinang. Kajian juga telah menjelaskan kedudukan pandangan mazhab lain dalam fatwa-fatwa di kedua negeri. Melalui analisis teks fatwa telah menghasilkan beberapa indikasi jelas tentang implementasi dasar qaul muktamad mazhab Syafie dalam urusan penetapan fatwa terhadap pelbagai isu yang timbul dan difatwakan.*

Kata Kunci: *Fatwa Muamalat, Qaul Muktamad Mazhab Syafie, Fatwa Negeri Kedah, Fatwa Negeri Pulau Pinang*

AN EARLY ANALYSIS ON THE POSITION AND IMPLEMENTATION OF THE AUTHORITATIVE STATEMENT OF THE SHAFI'ITE MADHAB IN THE ECONOMIC LEGAL RULING STATE OF KEDAH AND STATE OF PENANG

Mohd Akram bin Dahaman@Dahlan¹
Kamarudin bin Ahmad
Solahuddin bin Abdul Hamid
Mohd Murshidi bin Mohd Noor

¹Pensyarah Kanan di Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS, Universiti Utara Malaysia, alamat emel: akram@uum.edu.my

Abstract: *The authoritative statement of the Shafi'ite madhhab in the state Islamic religious law has been the basis of a very popular approach among fatwa-authorized bodies in Malaysia. Among the states that laid the foundations of a fatwa based on this approach were the state of Kedah and Penang. There are many fatwas that have been decided in these two states by involving various issues such as faith, worship, marriage, muamalat / economic, social and others. Based on this, a preliminary analysis was undertaken to examine clearly the position of The authoritative statement of the Shafi'ite madhhab and its implementation in fatwa affairs in both states, Kedah and Penang. At the same time, the study also examines the views of other school of thought that have been used to prescribe a fatwa. The results of this initial analysis show the actual situation of the authoritative statement of the Shafi'ite madhhab in the fatwa-authorized body of the state of Kedah and Penang. The study also explains the position of other schools of thought in the fatwa in both states. Through the analysis of the fatwa text has yielded some clear indication of the basic implementation of The authoritative statement of the Shafi'ite madhhab in the course of fatwa fixing on various issues arising and formulated.*

Keywords: *Economic Legal Ruling, The Authoritative Statement Of The Shafi'Ite Madhhab, State Of Kedah Legal Ruling, State Of Penang Legal Ruling.*

Pendahuluan

Fatwa merupakan satu bentuk pemakluman hukum syarak kepada isu yang berlegar dalam kehidupan manusia dan masyarakat memerlukan hukum tersebut bagi mendapatkan penyelesaian hukum. Takrifan tersebut menjelaskan bahawa fatwa adalah satu perkara yang penting. Dalam konteks masyarakat Islam, Isu-isu yang berlegar adalah pelbagai meliputi isu ibadat, munakahat, muamalat dan lain-lain. Dalam kehidupan kini, perkembangan isu-isu muamalat adalah terlalu pesat dan semakin komplikated.

Dari sudut kaedah penetapan fatwa, negeri Kedah dan Pulau Pinang telah menetapkan qaul muktamad mazhab Syafie sebagai ambilan hukum. Terdapat banyak fatwa yang telah

diputuskan di kedua negeri ini melibatkan pelbagai isu sama ada akidah, ibadat, perkahwinan, muamalat/ekonomi, sosial dan lain-lain.

Berdasarkan perkara ini, satu analisis awal dilakukan bagi meneliti secara jelas kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie dan implementasinya dalam urusan fatwa di kedua negeri, Kedah dan Pulau Pinang. Hasil analisis awal ini mampu menunjukkan keadaan sebenar kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie terhadap badan berautoriti fatwa negeri Kedah dan Pulau Pinang. Malah, kajian ini mampu untuk memberikan gambaran tentang kedudukan pandangan mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang lain seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Analisis juga memberi indikasi jelas tentang implementasi dasar qaul muktamad mazhab Syafie dalam urusan penetapan fatwa terhadap pelbagai isu yang telah timbul dan difatwakan.

Metode Berfatwa di Malaysia: Antara Pendekatan Mazhabi dan Penerimaan Padangan Mazhab

Secara amnya, dasar Malaysia terhadap urusan keagamaan agama Islam ialah memberikan kebebasan kepada setiap negeri. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan pada Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perkara 1. Dasar ini telah menyebabkan berlaku perbezaan dalam urusan fatwa di negeri-negeri. Menurut Mohd Akram Dahaman (2005), terdapat dua pendekatan dan kaedah dalam berfatwa yang diamalkan di Malaysia iaitu pendekatan mazhabi dan pendekatan tidak terikat dengan mazhab tertentu.

Yang dimaksudkan dengan pendekatan mazhabi di Malaysia ialah dengan meletakkan sesuatu mazhab sebagai mazhab utama dalam urusan mengeluarkan fatwa. Malah diletakkan lagi pandangan paling dominan dalam mazhab tersebut sebagai rujukan. Pendekatan mazhabi di Malaysia ini adalah berteraskan mazhab Syafie dan pandangan yang digunapakai dalam mazhab Syafie tersebut ialah qaul muktamad. Perkara ini dengan jelas diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Sebagai contoh negeri Terengganu melalui Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001, Bahagian III, Seksyen 54, Perkara 1 menyatakan:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 50, atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafii.

Berkaitan dengan penerimaan pandangan mazhab di negeri-negeri yang menggunakan pendekatan mazhabi ini, pandangan mazhab-mazhab muktabar dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) juga diterima pakai seperti padangan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Perkara ini telah diberikan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (EPAI) di negeri-negeri. Sebagai contoh, Selangor telah memperuntukkan dalam Bahagian III, Seksyen 54, Perkara 2:

- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

Manakala pendekatan yang kedua pula bermaksud tiada mazhab tertentu telah dijadikan rujukan utama dalam pengeluaran fatwa di negeri. Sebagai contoh di negeri Perlis, dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Seksyen 54, Perkara 1 telah memperuntukkan hal berkaitan sumber yang perlu diikuti:

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut AI-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallallahu'alaihi Wassalam.

Berdasarkan peruntukan ini jelas menunjukkan ketiadaan mazhab tertentu yang telah ditetapkan dalam urusan mengeluarkan fatwa. Namun begitu, perkara ini bukan bermaksud pandangan mazhab muktabar ASWJ tidak digunapakai langsung. Dalam keputusan fatwa mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis telah menyatakan bahawa:

“Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada mazhab itu dan mengambil pendapat mereka yang ada alasan daripada al-Quran, al-Sunnah dan Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w” (MAIPs, t.t: 1)

Konsep Qaul Muktamad Mazhab Syafie

Mazhab Syafie adalah aliran ilmu fiqah yang diasaskan oleh Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi'i (150-204H). Di antara ciri-ciri mazhab ini ialah pemilihan manhaj pertengahan di antara aliran Hijaz dan aliran Iraq; antara mazhab Abu Hanifah dan mazhab Imam Malik. Dengan lain perkataan, kewujudan mazhab Syafi'i adalah satu pembaharuan terhadap mazhab atau aliran fiqah yang wujud ketika itu. Bahkan kewujudan *qawl qadim* dan *qawl jadid* dalam pandangan-pandangan fiqah Imam al-Syafi'i turut menggambarkan berlakunya penilaian semula pandangan-pandangan beliau di Iraq yang berasaskan kepada perbezaan tempat, zaman, 'urf dan penemuan sesebuah hadith yang tidak diketahui sebelum ini (Abdul Karim bin Ali, 2007). Seterusnya pandangan-pandangan fiqah Imam al-Syafi'i diriwayatkan oleh murid-murid beliau daripada kalangan ahli Iraq dan Mesir. Di antara murid-murid beliau daripada kalangan ahli Iraq ialah Abu Thaur al-Kalbi (m.240H), Abu 'Ali al-Karabisi (m.235H) dan al-Hasan al-Za'farani (m.260H). Manakala daripada ahli Mesir ialah al-Buwaiti (m.232H), al-Muzani (m.264H) dan al-Rabi' al-Muradi (m.270H) (Muhammad Mustafa Shalabi, 1985, Umar Sulayman al-Ashqar, 2003).

Kemudian mazhab Syafi'i terus dikembangkan oleh para ulama berstatus mujtahid, para ahli hadith, serta ulama yang memegang jawatan qadha (kehakiman). Setelah itu ia diperkukuhkan dengan ramainya para ulama bermazhab Syafi'i sehingga lahirnya aliran al-'Iraqiyyin dan aliran al-Khurasaniyyin. Bahkan para pemerintah seperti Khalifah al-Qadir Billah, Sultan Syams al-Malik dan Menteri Nizam a-Malik turut mendokong mazhab ini.

Menurut Akram Yusuf 'Umar al-Qawasimi (2003), selepas zaman kegemilangan penyebaran mazhab, telah berlaku dua kali proses *tanqih* dalam mazhab Syafi'i. Tanqih pertama (505-676H) diketuai oleh al-Imam 'Abd al-Karim Ibn Muhammad Ibn 'Abd al-Karim al-Rafi'i

(m.623H) dan al-Imam al-Nawawi (631-676H). Manakala tanqih yang kedua (676-1004H) dipimpin oleh Imam Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hajar al-Haytami (m.974H) dan Imam Syams al-Din Muhammad Ibn Ahmad al-Ramli (m.1004H). *Tanqih al-Madhab* boleh difahami sebagai pemurnian mazhab dari pendapat-pendapat yang pelik (*shadh*) dan marjuh atau menerangkan qaul muktamad para fuqaha mazhab dalam semua bab fiqh. Faktor tanqih di atas merujuk kepada beberapa sebab terutamanya lambakan karya fiqh, takhrij fiqh yang menyalahi usul mazhab, istinbat yang marjuh atau ijthad yang *shadh*, taksib mazhab dan sebagainya.

Selepas zaman tanqih kedua, terdapat beberapa ulama mazhab Syafi'i yang berusaha menghidupkan kembali semangat ijthad. Di antaranya ialah al-Imam Ibn Daqiq al-'Id, al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani, dan al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti. Zaman yang berikutnya adalah zaman penulisan *hawasyi*. Ia ada penulisan yang bersifat huraian, penjelasan dan perbincangan terhadap ungkapan-ungkapan karya tanqih pertama dan kedua yang sukar difahami (Akram Yusuf 'Umar al-Qawasimi, 2003).

Definisi Qaul Muktamad

Qaul muktamad ialah istilah bahasa arab yang mengandungi suku kata "*qaul*" dan "*muktamad*". "*Qaul*" bermaksud kata-kata atau pandangan. Manakala "*muktamad*" berasal daripada perkataan *i'tamada* yang sinonim dengan perkataan *ittaka'a* bermaksud sandar atau *ittakala* yang bermaksud percaya (al-Razi, 1990).

Dari sudut istilah, menurut Nu'man Jafim (2007), qaul muktamad adalah satu istilah yang digunakan oleh Ibn Hajar al-Haytami bermaksud pandangan yang dipilih (al-Adzhar) daripada dua atau lebih pandangan Imam al-Syafi'i. Wahbah al-Zuhayli (1996) mengambil takrifan al-Adzhar daripada al-Nawawi dalam pengelasan pandangan-pandangan dalam mazhab Syafi'i sebagai yang tertinggi martabatnya.

Konsep Qaul Muktamad Mazhab Syafie

Seperti yang diketahui, mazhab Syafi'i tidak menunjukkan pandangan Imam al-Syafi'i sahaja, malah merupakan pandangan Imam al-Syafi'i serta pandangan para fuqaha yang berpegang dengan metode Imam al-Syafi'i dalam mengeluarkan hukum. Oleh yang demikian, kebarangkalian wujud lebih daripada satu pandangan dalam sesuatu masalah *furu'* adalah suatu yang sudah pasti ada. Qaul muktamad di sisi mazhab Syafi'i mempunyai beberapa peringkat. Peringkat-peringkat tersebut adalah seperti berikut:


1. Pandangan yang disepakati oleh al-Imam al-Rafi'i dan al-Imam al-Nawawi.
2. Sekiranya al-Imam al-Rafi'i dan al-Imam al-Nawawi berselisih pandangan dalam sesuatu masalah, maka didahulukan pandangan al-Imam al-Nawawi. Pandangan al-Imam al-Nawawi ini berdasarkan turutan keutamaan karya beliau; bermula dari "*al-Tahqiq*", "*al-Majmu*", "*al-Tanqih*", "*al-Raudhah*", "*al-Minhaj*", "*Syarh Muslim*", "*Tashih al-Tanbih*", sehingga "*al-Nukat*".
3. Seterusnya karya al-Imam Ibn Hajar al-Haitamy; "*Tuhfah al-Muhtaj*", dan karya al-Imam Syams al-Din al-Ramli; "*Nihayah al-Muhtaj*", menjadi rujukan muktamad di dalam mazhab Syafi'i. Permasalahan yang disepakati menjadi qaul muktamad mazhab. Manakala permasalahan yang tidak disepakati oleh mereka berada pada kedudukan yang sama di dalam mazhab. Bahkan terdapat dua kecenderungan dalam memilih pandangan al-Imam al-Haitamy dan al-Imam al-Ramli. Ahli Mesir berpegang kepada

pandangan al-Imam al-Ramli. Manakala para ilmuwan mazhab Syafi'i dari Hadramaut, Syam, Kurdi, Dagestan, Hijaz dan kebanyakan ahli Yaman, berpegang dengan pandangan al-Imam al-Haitamy (Muhammad ibn Sulaiman al-Kurdi al-Madani, 2011, 'Alawi Ibn Ahmad al-Saqqaf, 2004).

Untuk lebih memahami konsep qaul muktamad, jadual dan rajah berikut boleh dijadikan sebagai gambaran asas mengenainya.

Jadual 1: Konsep Qaul Muktamad Mazhab al-Syafi'i

Permasalahan fiqah yang disentuh oleh:	Rujukan muktamad di sisi Mazhab Syafi'i
al-Imam al-Rafi'i dan al-Imam al-Nawawi; mereka sepakat dalam menentukan hukumnya	Tulisan dan karya fiqah al-Imam al-Rafi'i atau al-Imam al-Nawawi; kedua-duanya berada pada tahap yang sama.
al-Imam al-Rafi'i dan al-Imam al-Nawawi; mereka berselisih pandangan dalam menentukan hukumnya	Tulisan dan karya fiqah al-Imam al-Nawawi
al-Imam al-Nawawi sahaja	Tulisan dan karya fiqah al-Imam al-Nawawi
al-Imam al-Rafi'i sahaja	Tulisan dan karya fiqah al-Imam al-Rafi'i
al-Imam al-Haitamy dan al-Imam al-Ramli; mereka sepakat dalam menentukan hukumnya	Tulisan dan karya fiqah al-Imam al-Haitamy atau al-Imam al-Ramli; kedua-duanya berada pada tahap yang sama.
al-Imam al-Haitamy dan al-Imam al-Ramli; mereka berselisih pandangan dalam menentukan hukumnya	Tulisan dan karya fiqah al-Imam al-Haitamy atau al-Imam al-Ramli; kedua-duanya berada pada tahap yang sama, tetapi terdapat dua aliran kecenderungan dalam memilih salah satunya.



Rajah 1: Konsep Qaul Muktamad

Istilah-istilah Qaul Muktamad Mazhab Syafie

Untuk mengenalpasti qaul muktamad di dalam karya-karya rujukan utama mazhab, para ilmuwan mazhab telah mengklafikasikan beberapa istilah yang menunjukkan kepada qaul muktamad. Terdapat dua jenis pengelasan utama. Bahagian pertama ialah istilah-istilah yang digunapakai oleh al-Imam al-Nawawi dalam “*al-Minhaj*”. Manakala bahagian kedua ialah istilah-istilah yang digunapakai oleh para ilmuwan mazhab selepas beliau (‘Abd al-Qadir ibn ‘Abd al-Muttalib al-Mandili al-Andunisi, 2004).

Istilah-istilah yang digunapakai oleh al-Imam al-Nawawi dalam “*al-Minhaj*” adalah seperti berikut:

1. al-Adzhar: istilah tarjih di antara pelbagai pandangan Imam al-Syafi’i yang zahir, kuat dan jelas.
2. al-Masyhur: istilah tarjih di antara pelbagai pandangan Imam al-Syafi’i, tetapi pandangan yang sebaliknya adalah pandangan yang lemah.
3. al-Asah: istilah tarjih ke atas pelbagai pandangan ashab (pendokong) Imam al-Syafi’i yang sahih.
4. al-Sahih wa al-Sowab: istilah tarjih ke atas pelbagai pandangan ashab (pendokong) Imam al-Syafi’i, tetapi pandangan yang sebaliknya adalah pandangan yang lemah.
5. al-Mazhab: istilah yang menunjukkan kewujudan khilaf di antara ashab (pendokong) Imam al-Syafi’i dalam menyatakan pandangan pandangan muktamad. Ia juga digunakan untuk menyatakan kewujudan khilaf di dalam sesuatu masalah.
6. al-Nas: istilah yang menunjukkan salah satu daripada pandangan Imam al-Syafi’i, ia adalah yang rajih. Manakala pandangan yang lain adalah tersangat lemah.
7. al-Mansus: istilah yang menunjukkan pandangan Imam al-Syafi’i, atau nas Imam al-Syafi’i, atau salah satu pandangan ashab (pendokong) beliau, yang dikira sebagai rajih.

‘Alaihi al-‘Amal: istilah tarjih yang digunakan oleh al-Imam al-Nawawi, serta al-Imam al-Rafi (Maryam Muhammad Soleh al-Dzhafiri, 2002, ‘Alawi Ibn Ahmad al-Saqqaf, 2004, ‘Abd al-Qadir ibn ‘Abd al-Muttalib al-Mandili al-Andunisi, 2004).

Istilah-istilah yang digunapakai oleh para ilmuwan mazhab selepas al-Imam al-Nawawi:

1. ‘Ala al-Mu’tamad: istilah ini bagi al-Imam al-Haitamy adalah yang menunjukkan al-Adzhar di antara dua pandangan Imam al-Syafi’i atau lebih.
2. ‘Ala al-Aujah: istilah al-Imam al-Haitamy yang menunjukkan al-Asah di antara dua *wajah* pandangan ashab (pendokong) Imam al-Syafi’i atau lebih.

Ittafaqu, atau La Khilafa Fih, atau Hadza Majzum Bih: istilah ini menunjukkan kesepakatan dalam mazhab Syafi’i sahaja. Bukan dalam mazhab-mazhab lain (Muhammad Ibrahim al-Hafnawi, 2009, ‘Abd al-Qadir ibn ‘Abd al-Muttalib al-Mandili al-Andunisi, 2004).

Kedudukan dan Implementasi Qaul Muktamad Mazhab Syafie dalam Fatwa di negeri Kedah dan Pulau Pinang

Kedah dan Pulau Pinang adalah dua buah negeri yang berada di bahagian utara Malaysia selain Perak dan Perlis. Kedua-dua negeri ini dari sudut penetapan dan pengeluaran fatwa adalah berada di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing. Dari sudut pentadbiran dan pengurusan, tanggungjawab diletakkan di atas bidang kuasa Jabatan Mufti Negeri. Manakala setiap negeri mempunyai Jawatankuasa Fatwa masing-masing yang

dianggotai oleh ilmuan dan pakar dalam bidang hukum syarak bagi memberi keputusan fatwa bagi isu-isu yang timbul dalam masyarakat. Bagi negeri Kedah tiga pihak tersebut ialah Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Jabatan Mufti Negeri Kedah dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Manakala negeri Pulau Pinang, pihak-pihak yang terlibat itu ialah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (Lokmanulhakim Hussain, 2013).

Terdapat dua perkara yang perlu diteliti dalam menilai qaul muktamad mazhab Syafie di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Dua perkara tersebut ialah dengan mengenalpasti kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie dalam urusan penetapan fatwa dan yang kedua dengan meneliti implementasi qaul muktamad dalam fatwa yang telah ditetapkan oleh badan berautoriti fatwa.

Kedudukan

Menurut Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid (2007), kedudukan mazhab Syafie di Malaysia adalah cukup terjamin. Pertama, kerana sejarahnya yang begitu cemerlang. Kedua, kerana mazhab ini telah diterima oleh akar umbi masyarakat dan merupakan sebahagian daripada budaya mereka. Ketiga, sifatnya yang sederhana dan sesuai dengan kesederhanaan corak hidup masyarakat rantau ini. Keempat, kerana ada sokongan undang-undang. Kelima, kerana ada barisan pendukung yang terus menguasai birokrasi.

Dalam konteks kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie, sokongan undang-undang yang dimaksudkan dalam kenyataan di atas adalah seperti berikut:

Negeri Kedah

Melalui Warta Kerajaan Negeri Kedah, jil. 51, no. 7 bertarikh 27 Mac 2008 di dalam Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) tahun 2008 telah memperuntukkan beberapa perkara yang berkaitan dengan qaul muktamad mazhab Syafie. Pada Bahagian III (Jawatankuasa Fatwa) Seksyen 26 terdapat beberapa perkara yang menyebut tentang qaul muktamad mazhab Syafie. Perkara-perkara tersebut ialah:

- (1) memperuntukkan bahawa dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie berlandaskan al-Quran, Hadis, *Ijma' Ulama* dan *Qiyas*.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka fatwa itu bolehlah diputuskan mengikut hematnya

sendiri tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Negeri Pulau Pinang

Di dalam Enakmen Kedua, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, pada Bahagian III (Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Perkara Kepentingan Nasional), Seksyen 54 (Qaul muktamad yang hendaklah diikuti) terdapat 3 perkara yang membabitkan kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie dalam urusan fatwa. Berikut adalah perkara-perkara tersebut:

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Implementasi *Negeri Kedah*

Secara asasnya apabila sudah termaktub di dalam undang-undang berkenaan pemakaian qaul muktamad mazhab Syafie dalam penetapan fatwa, jawatankuasa fatwa yang diamanahkan untuk meneliti isu dan menetapkan satu keputusan hukum perlu mengambilguna qaul muktamad mazhab Syafie. Menurut Tuan Syeikh Marwazi bin Dziauddin yang merupakan Timbalan Mufti ketika temubual dilakukan dengan jelas menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri amat memperhalusi perkara ini pada keseluruhan keputusan fatwa yang ditetapkan.

Fatwa-fatwa di negeri Kedah dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian tersebut adalah meliputi 3 bahagian besar iaitu Fiqh, Tauhid dan Umum. Di dalam bahagian Fiqh telah dibahagikan kepada 3 bab iaitu Bab Ibadat, Bab Muamalat dan Bab Munakahat. Terdapat juga bentuk-bentuk pembahagian yang lain seperti al-Quran, Zakat, Waqaf, Kubur, Ubat, Khurafat dan Ajaran Sesat. Perbezaan bentuk pembahagian ini adalah berdasarkan himpunan fatwa yang dikumpulkan bagi tempoh-tempoh tertentu.

Berdasarkan analisis awal tentang implementasi qaul muktamad mazhab Syafie dalam fatwa-fatwa di negeri Kedah, Tuan Syeikh Marwazi bin Dziauddin telah menjelaskan bahawa

keseluruhan isu-isu yang membabitkan bahagian fiqh, fatwa yang ditetapkan adalah berasaskan qaul muktamad mazhab Syafie kecuali bab Muamalat. Wujud penggunaan qaul daripada mazhab ASWJ yang lain seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Perkara ini berlaku kerana keperluan semasa atas kepentingan masyarakat umum dalam menyelesaikan isu yang berlegar dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, fatwa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa berkenaan dengan isu jual beli barang wakaf dengan membeli ganti, pandangan mazhab-mazhab lain telah diterima pakai. Begitu juga dengan masalah cadangan untuk menjual tanah wakaf khas, pandangan mazhab Hanafi telah diterima pakai (Himpunan Fatwa 3 Negeri Kedah Darulaman, t.t).

Jadual 2: Pemakaian Qaul Muktamad Mazhab Syafie dan Qaul Mazhab Lain di Negeri Kedah

BIL	FATWA	QAUL MUKTAMAD MAZHAB SYAFIE	DINYATAKAN SELAIN QAUL SYAFIE
1	Orang bukan Islam menjual barang-barang yang mengandungi tulisan ayat-ayat al-Quran dan mereka memegang barang tersebut	✓	
2	Zakat wang saham	✓	
3	Masalah jual beli barang wakaf dengan membeli ganti		Imam Hanafi Imam Malik Imam Shafie Imam Ahmad
4	Cadangan untuk menjual tanah wakaf khas		Imam Hanafi
5	Cadangan membeli dua bidang tanah lot untuk di wakaf kepada masjid mengikut kiraan kaki	✓	

Akan tetapi menurut Timbalan Mufti, fatwa muamalat bagi negeri Kedah masih jauh keterbelakang dari sudut penyelesaian terhadap transaksi-transaksi baharu muamalat Islam yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat.

Negeri Pulau Pinang

Bagi negeri Pulau Pinang, implementasinya adalah sama sepertimana negeri Kedah. Dasar yang wujud dalam penetapan fatwa adalah bertepatan dengan peruntukan yang ada di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang. Qaul muktamad mazhab Syafie adalah terpakai dalam menyelesaikan sesuatu isu hukum syarak yang berlaku di negeri Pulau Pinang. Menurut Ketua Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang iaitu Ust Haniff bin Omar@Wahab, Jawatankuasa Fatwa sememangnya teliti dalam penetapan fatwa yang perlu melihat pandangan mazhab Syafie dan menetapkannya dengan menggunakan qaul muktamad mazhab Syafie.

Fatwa-fatwa di negeri Pulau Pinang telah dibahagikan mengikut tahun pengeluaran fatwa tanpa mengklasifikasikan fatwa-fatwa tersebut di dalam bab-bab tertentu. Keseluruhan fatwa yang

telah dikumpul dan dibukukan adalah bermula dari tahun 1995 sehingga sekarang. Walaupun begitu, fatwa-fatwa yang lebih awal juga telah dimasukkan dalam buku himpunan fatwa setakat yang dapat dikesan.

Melalui analisis awal terhadap fatwa-fatwa yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Ust Haniff bin Omar@Wahab keseluruhan fatwa-fatwa yang ditetapkan oleh JKF adalah berasaskan qaul muktamad mazhab Syafie merentasi pelbagai bab dalam hukum fiqh seperti ibadah, nikah kahwin dan muamalat. Namun begitu, pandangan mazhab lain juga telah digunapakai oleh JKF dalam menetapkan fatwa-fatwa berkaitan muamalat, lebih khusus lagi bersangkutan dengan hukum waqaf. Perkara ini jelas apabila dirujuk kepada teks keputusan fatwa-fatwa tersebut.

Sebagai contoh, fatwa berkaitan tanah wakaf pada November 1977 telah menggunakan pandangan mazhab Hanafi. Begitu juga dengan fatwa bagi isu Cadangan Melaksanakan Konsep Istibdal Bagi Permohonan Kemajuan Perumahan Secara Usahasama Oleh Pansprint Consolidated Sdn. Bhd. Atas Tanah Wakaf Perkuburan Di Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. Pandangan mazhab hanafi telah diterima pakai dalam penetapan fatwa ini (Himpunan Fatwa Negeri Pulau Pinang, 2013).

Jadual 3: Pemakaian Qaul Muktamad Mazhab Syafie dan Qaul Mazhab Lain di Negeri Pulau Pinang

BIL	FATWA	QAUL MUKTAMAD MAZHAB SYAFIE	DINYATAKAN SELAIN QAUL SYAFIE
1	Menggunakan Bismillah dan Harta Tak Alih	✓	
2	Zakat Wang Simpanan	✓	
3	Tanah Wakaf		Mazhab Hanafi
4	Permasalahan Pengagihan Wang Zakat Untuk Program Tuisyen UPSR/PMR Dan SPM Di Sekolah-sekolah Terpilih Di Pulau Pinang	✓	
5	Cadangan Untuk Menggunakan Dana Dari Akaun Tawaqquf Sebanyak RM450,000.00 Sebahagian Kos Pembelian Bangunan Alinamin, Lebu Chulia, Pulau Pinang	✓	
6	Cadangan Melaksanakan Konsep Istibdal Bagi Permohonan Kemajuan Perumahan Secara Usahasama Oleh Pansprint Consolidated Sdn. Bhd. Atas Tanah Wakaf Perkuburan Di Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah		Mazhab Hanafi

Menurut Ketua Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, banyak isu berkaitan waqaf yang berlaku di negeri Pulau Pinang yang menyebabkan pandangan mazhab lain terutama mazhab Hanafi perlu diambilpakai bagi memberi ruang dalam menyelesaikan isu-isu tersebut serta memudahkan urusan.

Kesimpulan

Berdasarkan data-data yang telah dijelaskan, Negeri Kedah dan Pulau Pinang adalah dua buah negeri dalam negeri-negeri lain yang menggunakan pendekatan mazhabi. Pendekatan mazhabi yang dimaksudkan ialah dengan terikat kepada mazhab Syafie, malah lebih khusus kepada qaul muktamad mazhab Syafie.

Qaul muktamad mazhab Syafie mempunyai konsepnya yang khusus melibatkan pandangan Imam al-Syafie dan juga pandangan-pandangan dalam kalangan ulama mazhab Syafie. Konsep ini perlu difahami dengan lebih teliti oleh pelbagai pihak berautoriti agama dalam menentukan dan menetapkan sesuatu fatwa dan obligasi. Ini kerana ruh hukum dan fatwa mazhab Syafie telah berakar umbi sekian lama dalam masyarakat di kedua negeri.

Melalui analisis awal berkaitan kedudukan qaul muktamad mazhab Syafie dan implementasinya, didapati bahawa pihak berautoriti fatwa di kedua negeri memang sangat teliti dalam memastikan setiap fatwa yang ditetapkan mengambilpakai qaul muktamad mazhab Syafie. Namun begitu, di dalam beberapa aspek khususnya isu-isu muamalat, terdapat pandangan daripada mazhab ASWJ yang lain diterimapakai. Perkara ini berlaku kerana keperluan semasa dan setempat masyarakat dalam mengaplikasikan hukum syarak.

Rujukan

- Abdul Karim bin Ali, *Tajdid Fiqh Mazhab Syafi'i Di Malaysia*, Jurnal Fiqh: No. 4 (2007), h. 78.
- Akram Yusuf 'Umar al-Qawasimi (2003), *al-Madkhal ila Madhhab al-Imam al-Syafi'i*. Jordan: Dar al-Nafa'is, h. 341-355.
- Zain al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Abu Bakr ibn 'Abd al-Qadir al-Hanafi al-Razi (1990), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut; al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 218
- Nu'man Jafim (2007), *Madkhal ila al-Mazhab al-Syafi'i: Rijaluhu, Kutubuhu wa Mustalahatuhu*. Gombak: Markaz al-Buhuth al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah bi Maliziya
- Wahbah al-Zuhaily (1996), *Fiqh Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr
- Muhammad ibn Sulaiman al-Kurdi al-Madani (2011), *al-Fawaid al-Madaniyyah fi man Yufta bi Qaulihi min aimmati al-Syafi'iyyah*, Lebanon: Dar Nur al-Sobah, h. 55
- 'Alawi Ibn Ahmad al-Saqqaf (2004), *Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fi ma Yahtajuhu Tolabatu al-Syafi'iyyah*, Lebanon: Dar al-Basyair al-Islamiyyah, h. 72-73.
- 'Abd al-Qadir ibn 'Abd al-Muttalib al-Mandili al-Andunisi (2004), *Al-Khazain al-Saniyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun, h. 179
- Maryam Muhammad Soleh al-Dzhafiri (2002), *Mustalahat al-Mazahib al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 273
- Muhammad Ibrahim al-Hafnawi (2009), *al-Fath al-Mubin fi Ta'rif Mustalahat al-Fuqaha wa al-Usuliyyin*, Mesir: Dar al-Salam, h. 161
- 'Abd al-Qadir ibn 'Abd al-Muttalib al-Mandili al-Andunisi (2004), *Al-Khazain al-Saniyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun, h. 182

Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid, *Mazhab Syafi'i Di Malaysia: Sejarah, Realiti Dan Prospek Masa Depan*, Jurnal Fiqh No. 4 (2007) 1-38

Mohd Akram Dahaman (2005), *Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000*. Disertasi M. Syariah UM.

Perlembagaan Persekutuan pada Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perkara 1

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001 Terengganu, Bahagian III, Seksyen 54, Perkara 1

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor, Bahagian III, Seksyen 54, Perkara 2

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006, Seksyen 54, Perkara 1

MAIPs, t.t, Keputusan Fatwa Berkaitan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) tahun 2008

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) tahun 2004

Temubual Tuan Syeikh Marwazi bin Dziauddin (Timbalan Mufti pada 15 Mei 2016)

Temubual Ust Haniff bin Omar@Wahab (Ketua Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 2 Mei 2016)

Himpunan Fatwa 3 Negeri Kedah Darulaman, t.t

Himpunan Fatwa Negeri Pulau Pinang, 2013